

# 2

## Pengendalian Ekonomi Malaysia Tahun 2000

### Pengenalan

**S**emasa Belanjawan 2000 dibentangkan pada bulan Oktober 1999, ekonomi negara mula mencatatkan pertumbuhan positif setelah mengalami pertumbuhan negatif selama lima suku tahun berturut-turut. Pemulihan yang kukuh pada suku kedua 1999 sebahagian besarnya adalah hasil daripada pelaksanaan dasar Kerajaan yang menyeluruh dalam memulih dan merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi serta menstruktur semula sektor kewangan dan korporat. Pengendalian ekonomi makro ketika itu bertumpu kepada usaha dasar kewangan dan fiskal untuk mengukuh pemulihan ekonomi. Bagi membendung pengantarabangsaan dan spekulasi ringgit serta untuk mengurangkan kesan aliran modal jangka pendek ke atas ekonomi dalam negeri, dasar kawalan pertukaran terpilih telah diperkenalkan pada September 1998. Langkah ini memberi pilihan kepada Kerajaan menentukan dasar kewangan dan fiskal yang sesuai. Oleh kerana ketika itu, ekonomi baru beransur pulih, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar telah dianggarkan meningkat pada kadar 4.3% pada tahun 1999 dan 5% pada tahun 2000. Semasa Belanjawan 2000 dibentang semula pada 25 Februari 2000, berikutan pembubaran Parlimen pada November 1999, anggaran pertumbuhan KDNK telah disemak semula kepada 5.4% bagi tahun 1999 dan 5.8% bagi tahun 2000, mengambil kira persekitaran luar negara yang lebih baik dan pengukuhan ekonomi dalam negeri. Berasaskan pertumbuhan separuh pertama tahun 2000, pertumbuhan KDNK benar kini dianggarkan pada kadar 7.5%.

Semasa Belanjawan yang awal dibentangkan, terdapat banyak ketidakpastian mengenai persekitaran luar negara. Prospek pertumbuhan di negara-negara industri utama khususnya Amerika Syarikat dan Jepun masih kurang jelas

manakala pemulihan ekonomi serantau masih rapuh dan bergantung kepada kepantasan usaha-usaha penstruktur semula ekonomi mereka. Ekonomi dalam negeri pula menunjukkan permintaan yang kurang mantap, terutamanya di sektor swasta bagi menyokong pertumbuhan serta terdapat lebih kapasiti yang berterusan dalam industri-industri tertentu. Dalam keadaan tersebut, teras dasar Belanjawan 2000 secara umumnya bertujuan mencergaskan permintaan dalam negeri, terutamanya melalui rangsangan fiskal di samping mengekalkan dasar kewangan yang bersesuaian untuk menyokong pertumbuhan. Di samping langkah-langkah bagi menggalakkan sumber pertumbuhan baru dan usaha-usaha untuk membangunkan tenaga kerja mahir bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk membantu pertumbuhan, pelbagai dasar bagi mempertingkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi kepada risiko luar juga turut diperkenalkan.

Dibawah Belanjawan 2000, teras dasar fiskal tertumpu kepada meneruskan dasar pengembangan bagi menggalakkan permintaan sektor swasta dalam negeri. Pelaksanaan langkah '*counter-cyclical*' telah memasuki tahun ketiga, selaras dengan keperluan untuk memberi dorongan seterusnya ke arah pemulihan ekonomi yang mapan. Dasar fiskal tersebut yang digubal adalah bagi menyokong aktiviti ekonomi yang boleh mengukuhkan usaha-usaha pemulihan, mempertingkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi serta mempercepatkan penstruktur semula sektor kewangan dan korporat di samping memupuk kesejahteraan sosial dan alam sekitar. Walaupun dasar fiskal tersebut bertumpu kepada dasar pengembangan namun Kerajaan terus komited melaksanakan dasar fiskal yang berhemat untuk memastikan pertumbuhan yang mantap dalam jangka panjang. Dengan ini, akaun semasa

terus mencatatkan lebih dan defisit keseluruhan imbalan pembayaran kekal pada tahap yang mapan.

Bagi membantu langkah-langkah pengembangan fiskal untuk menggalakkan pertumbuhan, dasar kewangan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha pemulihan ekonomi. Keadaan inflasi yang rendah dan tahap mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan, berikutan prestasi imbalan pembayaran yang terus menggalakkan telah menghasilkan kadar faedah yang rendah. Bagi memenuhi keperluan mengimbangi di antara keperluan usaha merangsangkan perkembangan ekonomi dan memastikan kadar faedah benar yang positif untuk mengekalkan paras tabungan negara, kadar faedah simpanan telah dinaikkan. Selaras dengan usaha meningkatkan sumber pinjaman bagi membantu perkembangan ekonomi, aktiviti pinjaman bersih institusi perbankan telah meningkat mulai bulan Februari 2000. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2000, kelulusan pinjaman mencatatkan pertumbuhan ketara dan pengeluaran pinjaman terus meningkat. Peningkatan pinjaman institusi perbankan telah diikuti dengan peningkatan ketara terbitan sekuriti hutang swasta (PDS), mencerminkan arah-aliran positif dalam keseluruhan pinjaman dan kejayaan usaha-usaha dalam membangunkan pasaran bon korporat sebagai alternatif kepada pinjaman bank.

Ekonomi Malaysia terus kukuh sejak Belanjawan 2000 dan asas-asas ekonomi makro bertambah baik dengan pertumbuhan yang lebih mantap dan menyeluruh. Prestasi di sektor luar yang memberangsangkan, terutamanya eksport keluaran elektronik, serta permintaan dalam negeri yang semakin meningkat telah menyokong pertumbuhan ekonomi. Keadaan persekitaran luar yang menggalakkan, pasaran kewangan yang stabil serta dasar kewangan dan fiskal yang menyokong, terus meningkatkan keyakinan dalam ekonomi. Dengan itu, persekitaran yang menggalakkan dan meningkatnya keyakinan sektor swasta telah mencetuskan reaksi mereka seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan permintaan agregat dalam negeri. Dasar Kerajaan bertujuan meningkatkan daya saing, daya tahan ekonomi kepada risiko luar, membangun sumber pertumbuhan baru dan sumber manusia telah menyumbang kepada persekitaran yang menggalakkan dan pertumbuhan ekonomi dalam tahun 2000.

## Dasar Fiskal

Memandangkan rangsangan fiskal perlu diteruskan bagi mendorong permintaan agregat dalam negeri, keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan telah ditetapkan pada awalnya sebanyak 4.5% daripada KNK. Selepas mengambil kira peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus dan pembangunan, terutamanya untuk pendidikan dan pelarasan gaji kakitangan awam, defisit ini disemak semula kepada 5.9% daripada KNK yang masih kekal pada tahap yang berhemat. Belanjawan 2000 juga memperkenalkan beberapa insentif cukai dan bukan cukai bertujuan merangsang perbelanjaan dalam negeri, meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi serta aktiviti sektor swasta dalam sektor-sektor tertentu. Langkah percukaian yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan keupayaan penjana hasil dalam jangka sederhana melalui rasionalisasi struktur cukai.

Dari segi keutamaan, peruntukan Belanjawan ditumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan keupayaan pengeluaran dalam jangka panjang. Dari segi fiskal, usaha-usaha yang dijalankan termasuk meningkatkan perbelanjaan untuk infrastruktur, menubuhkan dana untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan peruntukan yang lebih tinggi untuk pembangunan sektor pendidikan dan sektor sosial lain. Sungguhpun teras dasar fiskal mengembang diteruskan, Kerajaan masih mengamalkan dasar fiskal yang berdisiplin dan berhemat untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan. Dalam konteks ini, Kerajaan memastikan akaun semasa Belanjawan Persekutuan sentiasa mencatatkan lebihan dan pembiayaannya dibuat daripada sumber dalam negeri untuk tidak meninggalkan kesan inflasi.

Dalam usaha mencapai matlamat yang ditetapkan, perbelanjaan defisit Belanjawan 2000 terus ditumpukan kepada program yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi tanpa meningkatkan paras harga. Projek berpotensi yang telah dipilih untuk meningkatkan keupayaan daya pengeluaran, termasuk pembinaan infrastruktur, pendidikan dan latihan serta perkhidmatan kesihatan. Seterusnya keutamaan diberi kepada projek sosial seperti perumahan kos rendah dan sederhana, pembangunan luar bandar dan pertanian bagi memastikan keseimbangan sosio-ekonomi dalam pembangunan.

Jumlah perbelanjaan mengurus yang disasarkan meningkat sebanyak 24.6% adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan sektor awam dan swasta sebagai usaha mempercepatkan pemulihan permintaan agregat dalam negeri ke tahap yang lebih tinggi seperti sebelum krisis. Ini penting bukan sahaja untuk meningkatkan keyakinan pengguna dan memastikan tindak balas sektor swasta terhadap langkah-langkah Kerajaan tetapi juga memastikan pemulihan ekonomi secara meluas dan dengan itu mengurangkan pergantungan negara kepada permintaan luar.

Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat selaras dengan program fiskal yang mengembang secara berterusan bagi mengukuhkan usaha pemulihan ekonomi. Jumlah perbelanjaan pembangunan, termasuk peruntukan tambahan yang diluluskan dianggar meningkat dengan ketara sebanyak 11.8% kepada RM25,286 juta berbanding dengan RM22,615 juta pada tahun 1999. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini diperuntukan bagi sektor ekonomi, dengan sektor kecil pengangkutan dan perdagangan serta industri mendapat peruntukan yang terbesar. Perbelanjaan untuk sektor sosial juga besar, terutamanya bagi kesihatan dan pendidikan, selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk memperbaiki kesejahteraan sosial rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Dalam tahun 2000, peruntukan pendidikan telah ditambah sebanyak RM3,000 juta terutamanya, untuk melaksanakan program sekolah satu sesi dan membina makmal komputer di sekolah. Ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam pembangunan sumber manusia dan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).

Rangsangan fiskal telah memainkan peranan penting dalam memulihkan ekonomi pada tahun 1999 dan 2000. Sektor awam menyumbang 4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 1999, manakala sektor swasta pula negatif 2.3 mata peratusan. Sektor luar pula menyumbang 4.1 mata peratusan. Bagi tahun 2000, sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan KDNK dijangka lebih ketara lagi, iaitu pada 9.3 mata peratusan berbanding dengan sektor awam (2.8 mata peratusan) walaupun terdapat rangsangan fiskal. Oleh yang demikian, keyakinan terhadap pemulihan ekonomi yang berterusan berikutan dari rangsangan fiskal yang berkesan telah menggalakkan tindak balas dan sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan.

Walaupun terdapat rangsangan fiskal, defisit keseluruhan masih lagi di paras yang mampan. Defisit ini sebahagian besarnya terus dibiayai daripada sumber bukan inflasi dalam negeri, setelah mengambilkira sektor swasta tidak menghadapi kesulitan untuk memperolehi dana. Tahap hutang luar negara yang rendah bukan sahaja membolehkan Kerajaan melaksanakan rangsangan fiskal yang fleksibel tetapi juga dapat mengurangkan risiko dalam kadar pertukaran asing dan kadar faedah.

## Dasar Kewangan

Teras dasar kewangan pada sembilan bulan pertama tahun 2000 bertujuan memastikan persekitaran terus kondusif bagi pemulihan ekonomi dan pelaksanaan penyusunan semula sektor kewangan dan korporat. Dasar kewangan yang longgar dan tidak berubah sejak ianya bermula pada suku ketiga tahun 1998, merupakan sebahagian daripada usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi dan merangsang kepesatan pertumbuhan. Teras dasar ini terus dikekalkan memandangkan inflasi masih rendah, sektor kewangan yang terus kukuh dan kedudukanimbangan pembayaran yang menggalakkan. Dasar kewangan terus ditumpukan kepada pengurusan mudah tunai supaya tahapnya yang tinggi tidak mencetuskan tekanan inflasi, di samping membendung kadar faedah daripada terus menurun. Dalam tempoh tersebut, kadar deposit dikekalkan pada tahap yang dapat memberi kadar pulangan benar positif kepada pendeposit.

Selaras dengan dasar kewangan Kerajaan, kadar campurtangan 3-bulan Bank Negara Malaysia (BNM) yang telah diubah pada kali terakhir dalam bulan Ogos 1999, kekal pada paras 5.50%. Tahap mudah tunai yang tinggi dalam sistem perbankan, kematangan deposit dengan kos yang lebih tinggi dan peningkatan persaingan dalam pemberian pinjaman, terutamanya antara bank perdagangan telah menyebabkan kadar berian pinjaman asas purata (BLR) mencatat paras terendah pada 6.75% sejak pertengahan bulan Mei 2000. BLR syarikat kewangan telah menurun kepada 7.95% melampaui paras terendah dalam sejarah sebanyak 8.40% yang dicatatkan pada akhir tahun 1994. Kadar deposit juga berkurangan dalam tujuh bulan pertama tahun 2000 berikutan keadaan mudah tunai yang tinggi. Kadar deposit tetap 3-bulan bank perdagangan dan syarikat kewangan, masing-

masing berkurangan kepada 3.26% dan 3.30% pada akhir Julai 2000 daripada masing-masing 3.75% dan 3.80% pada akhir bulan Julai 1999. Pada bulan Ogos, institusi perbankan menaikkan kadar deposit untuk memastikan bahawa rejim kadar faedah yang rendah tidak menjejaskan golongan yang bergantung kepada kadar faedah atas tabungan mereka sebagai sumber pendapatan utama. Berikutan dengan peningkatan tersebut, kadar deposit tetap 1-bulan ke 12-bulan berada dalam lingkungan 3.44% ke 4.10% pada akhir bulan September 2000 (3.20% dan 3.90% pada akhir bulan Julai 2000) untuk memastikan kadar pulangan positif bagi mengekalkan kadar tabungan negara. Peningkatan kadar deposit tidak mengakibatkan kenaikan kadar pinjaman kerana institusi perbankan dapat menyerap peningkatan kos dana tersebut, berikutan daripada kedudukan mereka yang kukuh hasil daripada keuntungan dan permintaan pinjaman yang meningkat.

Selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi, pemberian pinjaman sistem perbankan juga meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Pinjaman yang diluluskan dalam tempoh lapan bulan pertama meningkat dengan ketara sebanyak 24.7% kepada purata RM10,848 juta sebulan berbanding dengan RM8,697 juta sebulan dalam tahun 1999. Pengeluaran pinjaman juga terus meningkat pada purata RM28,786 juta sebulan berbanding dengan purata RM26,526 juta sebulan yang dicatatkan pada tahun 1999. Namun demikian, jumlah baki pinjaman mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 3.6% pada akhir bulan Ogos 2000, berikutan pembayaran balik yang tinggi dan berterusan dengan purata RM28,170 juta sebulan dalam tempoh lapan bulan pertama (1999: RM27,744 juta sebulan). Deposit dalam sistem perbankan meningkat 2.5% pada akhir bulan Ogos. Justeru, nisbah pinjaman-deposit meningkat daripada 83.2% pada akhir Ogos 1999 kepada 84.6% pada akhir bulan Ogos 2000, mencerminkan peningkatan pinjaman yang lebih tinggi berbanding deposit. Walaupun pinjaman institusi perbankan hanya meningkat dengan sederhana bagi lapan bulan pertama 2000 ini telah disokong oleh peningkatan terbitan PDS sebanyak 171.4% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan meningkat kepada 13.1% pada akhir bulan Ogos 2000 (akhir Ogos 1999: 12.9%). Kadar bersih hutang tidak berbayar (NPL) (berdasarkan klasifikasi enam bulan) ialah 6.9% pada akhir

Julai 2000 (akhir Julai 1999: 7.9%), iaitu lebih rendah daripada kadar tertinggi 9% pada akhir bulan November 1998.

Berhubung dengan langkah-langkah kawalan pertukaran terpilih yang diperkenalkan pada bulan September 1998 Kerajaan terus mempermudah prosedur bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan. Bagi memudahkan pengisytiharan, berkuatkuasa 27 Julai 2000, pengembara tidak perlu lagi mengisi Borang Pengisytiharan, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Borang-borang pengisytiharan yang lebih mudah dikeluarkan untuk pengembara pemastautin, sementara bagi bukan pemastautin pengisytiharan akan dimasukkan ke dalam Kad Pendaratan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.

## **Penstrukturan Semula Sektor Kewangan**

Berasaskan peranan dan pentingnya sistem perbankan dalam proses pemulihan ekonomi, Kerajaan telah mengambil pendekatan pencegahan yang menyeluruh bagi mengukuhkan daya tahan sektor perbankan bertujuan untuk mengelakkan terjadinya krisis sistemik dan mengekalkan keyakinan awam. Pendekatan ini meliputi penubuhan sebuah syarikat pengurusan aset, Danaharta, sebuah agensi khas permodalan semula, Danamodal dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) bagi membantu menstruktur hutang korporat. Usaha-usaha penstrukturan semula ini telah mencapai kemajuan yang pesat dan diselesaikan mendahului jadual dengan kos yang lebih rendah.

Pada tahun 2000, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menstruktur semula sektor kewangan. Pada akhir Ogos 2000, pinjaman yang diambil dan diurus oleh Danaharta berjumlah RM46,785 juta di mana sebanyak RM38,610 juta adalah daripada sistem perbankan yang merupakan 43.2% daripada NPL sistem perbankan. Danaharta terus menumpukan kepada aktiviti pengurusan pinjaman dan aset. Penyelesaian pinjaman, meliputi 2,450 peminjam, telah dimulakan dan tiga tender ke atas harta yang diambil alih dan aset pinjaman asing telah dilancarkan. Pada akhir Ogos 2000, pinjaman atau aset berjumlah RM21,567 juta telah distruktur semula atau dijual dengan kadar perolehan balik purata sebanyak 75%. Danamodal telah menyuntik sejumlah RM7,590 juta ke dalam 10 institusi perbankan. Dengan keadaan ekonomi

yang bertambah baik, lima institusi perbankan telah membayar balik pinjaman mereka. Pada akhir Ogos 2000, jumlah suntikan modal tersebut telah berkurang kepada RM4,860 juta.

Dalam bulan Jun 2000, Kerajaan telah melancarkan Program Usahawan, khusus untuk mempercepatkan penyelesaian masalah NPL yang dihadapi oleh PKS. Program ini akan membantu peminjam yang mempunyai kemudahan kredit daripada beberapa institusi perbankan untuk menstruktur semula pinjaman mereka dan menyediakan pembiayaan tambahan bagi meningkatkan daya maju PKS dalam jangka panjang.

Pembaharuan sektor kewangan terus dijalankan untuk membangunkan satu kumpulan teras institusi perbankan tempatan yang berdaya tahan dan dinamik serta berupaya bersaing dalam persekitaran teknologi yang berubah dan permintaan pengguna yang pelbagai dan semakin canggih. Program penggabungan bagi institusi perbankan dalam negeri merupakan langkah utama pembaharuan sektor kewangan. Bagi menggalakkan penggabungan institusi perbankan, beberapa insentif telah disediakan, termasuk pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah serta elaun cukai sebanyak 50% atas kerugian terkumpul institusi perbankan yang akan diambil alih. Di bawah program penggabungan ini, 53 institusi perbankan yang beroperasi sekarang akan digabungkan kepada 10 kumpulan utama, setiap satu mempunyai bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan. Pada akhir bulan Ogos 2000, semua institusi perbankan telah berjaya menyelesaikan rundingan dengan rakan gabungan mereka dan menandatangani Perjanjian Jual-Beli, seterusnya melayakkan mereka menikmati insentif penggabungan yang disediakan oleh Kerajaan. Untuk memastikan usaha penggabungan ini tidak dilengahkan, akhir Disember 2000 telah ditetapkan sebagai tarikh sasaran penggabungan yang perlu diselesaikan oleh semua institusi perbankan dalam negeri.

BNM sedang dalam proses merangka Pelan Induk Sektor Kewangan jangka panjang. Teras utama Pelan tersebut adalah untuk membentuk satu kumpulan institusi perbankan tempatan yang kukuh dan berwawasan serta menggaris hala tuju strategik bagi dekad yang akan datang. BNM sedang mengambil beberapa inisiatif bagi memperbaiki proses kawal seliaan. Rangka kawalan menyeluruh di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan dijangka menangani isu-isu, antara lain, keperluan untuk

memupuk pengurusan risiko yang baik dan berkesan, memajukan rangka kerja kecukupan modal berasaskan risiko, memajukan sistem dan melaksanakan langkah-langkah pembetulan dengan cepat serta mewujudkan langkah-langkah bagi menghadkan jaminan kewangan Kerajaan ke atas deposit.

## **Perkembangan Pasaran Modal**

Beberapa intensif baru sedang diusahakan untuk melengkapi langkah-langkah yang sedia ada dalam menentukan pasaran modal yang berupaya menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Pada April 2000, Kerajaan mengumumkan rangka kerja dasar penggabungan bagi 62 syarikat broker saham sebagai susulan kepada inisiatif awal yang dilaksanakan dahulu untuk menggalakkan penggabungan. Tujuan penggabungan adalah untuk membentuk satu kumpulan Broker Universal yang bermodal teguh yang boleh memberi perkhidmatan yang cekap dan berkos efektif kepada pelabur serta berkeupayaan untuk menghadapi risiko dalam industri broker saham dan persaingan globalisasi dan liberalisasi. Penggabungan industri ini hendaklah didorong oleh pasaran dan syarikat broker saham diberi kelonggaran untuk menentukan rakan kongsi mereka. Syarikat broker saham yang tidak memilih untuk menikmati manfaat yang disediakan bagi Broker Universal akan kekal sebagai *Niche Broker*.

Galakan cukai telah juga disediakan di bawah Belanjawan 2000 bertujuan untuk mendorong penggabungan industri broker saham. Galakan ini termasuk kredit cukai bagi 50% atas kerugian terkumpul dibawa ke hadapan yang harus digunakan bagi tempoh dua tahun, dan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan ke atas hartanah bagi semua syarikat broker saham yang telah memeterai perjanjian penggabungan, sekurang-kurangnya melibatkan empat syarikat broker saham, menjelang penghujung tahun 2000. Syarikat-syarikat yang bergabung sebelum akhir tahun 2001 adalah juga layak mendapat insentif cukai tersebut. Walau bagaimanapun, tempoh kelayakan kredit cukai bagi mereka ini dihadkan kepada satu tahun berbanding dengan dua tahun bagi syarikat broker yang bergabung sebelum akhir tahun 2000. Sebagai galakan tambahan, mulai 12 Jun 2000, Broker Universal dibenarkan menubuh cawangan tambahan di mana-mana tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Bagi mewujudkan pasaran modal yang lebih berdaya saing untuk manfaat para pelabur, pada April 2000, SC telah mengumumkan bahawa kos urusniaga saham akan diliberalisasikan dan dilaksanakan dalam dua peringkat. Di peringkat pertama berkuatkuasa mulai September 2000, kadar komisen bagi semua dagangan melebihi RM100,000 boleh dirundingkan sepenuhnya manakala dagangan saham kurang daripada RM100,000 tidak melebihi 0.75%. Pada peringkat kedua, mulai 1 Julai 2001, kadar komisen bagi semua dagangan boleh dirundingkan sepenuhnya dengan syarat tidak melebihi 0.7%. Yuran dan levi yang lain, termasuk yuran penjelasan dan levi SC juga akan dikurangkan.

Dalam usaha mengukuhkan penggabungan syarikat-syarikat insurans yang kecil untuk menjadikan beberapa syarikat insurans yang besar dan bermodal teguh serta mampu menghadapi cabaran globalisasi serta peningkatan permintaan dalam negeri terhadap perkhidmatan insurans, syarat modal yang tinggi dan *solvency margin* yang lebih besar diperkenalkan di samping penyediaan satu pakej galakan. Sehingga September 2000, sebanyak lima penggabungan terdiri daripada 10 syarikat insurans telah dilaksanakan sementara 15 syarikat lagi masih di pelbagai peringkat pelaksanaan.

Berikutan pengumuman Belanjawan 2000 pada tahun 1999, Kerajaan telah melancarkan penyediaan pelan pembangunan strategik jangka panjang bagi pasaran modal negara. Pelan Induk Pasaran Modal ini akan menyediakan rancangan menyeluruh dan bersepadu bagi menentukan halatuju dan kedudukan strategik pasaran modal jangka panjang.

## **Pembangunan Pasaran Bon Korporat**

Langkah lain yang telah diambil semasa krisis kewangan baru-baru ini adalah untuk memperkukuhkan kestabilan sistem kewangan dan mengurangkan pergantungan yang berlebihan ke atas sistem perbankan bagi membiayai aktiviti ekonomi. Sebagai langkah mempelbagaikan sumber pembiayaan selain daripada sektor perbankan untuk mengelakkan risiko sistemik, usaha telah dipergiatkan untuk membangunkan pasaran bon korporat dan meningkatkan peranannya sebagai pembiaya aktiviti ekonomi

dalam negeri. Di samping menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Modal Kebangsaan, Kerajaan juga telah mengumumkan dalam Belanjawan 2000 bahawa SC juga dipertanggungjawabkan sebagai badan kawalselia tunggal pasaran bon korporat.

Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam usaha membangunkan pasaran bon korporat. Isu utama rasionalisasi rangka kawalselia bagi bon korporat dan proses terbitannya telah ditangani. Ini adalah selaras dengan keperluan meningkatkan bon korporat dalam pasaran.

Dalam merasionalisasikan rangka kerja kawalselia, isu pertindihan kawalselia telah diberi perhatian, memandangkan beberapa badan kawalselia mengambil masa yang panjang dan proses mendapatkan kelulusan yang tidak setempat menghalang para penerbit bon daripada mengambil peluang daripada kedudukan pasaran. Untuk menangani kelemahan tersebut, pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti (SCA) 1993, Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Syarikat 1965 telah dibuat dan berkuatkuasa pada Julai 2000. Bagi memusatkan urusan mendapat kelulusan prospektus dan debentur yang dikenakan oleh SC, pindaan tersebut memperkenalkan skim kawalselia peraturan berasaskan penzahiran maklumat, mengenakan tanggungjawab berkanun yang lebih tinggi ke atas pemegang amanah bagi terbitan debentur dan menetapkan kandungan minimum bagi semua surat ikatan amanah serta memansuhkan syarat mendapatkan kelulusan terbitan hutang daripada BNM.

SC telah memperkenalkan beberapa garis panduan dan peraturan bagi memastikan rangka kerja kawalselia baru adalah memudahkan, telus, berkos efektif dan cekap dari segi kos. Garis panduan terbitan PDS telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2000 bagi menyediakan satu proses kelulusan yang mudah dan cekap bagi semua cadangan hutang. Sebagai langkah memperluaskan asas kepada penerbit bon dan mempelbagaikan instrumen, Jawatankuasa Perundingan Sekuriti Berasaskan Aset telah ditubuh dan garis panduan yang baru akan diperkenalkan pada suku terakhir tahun 2000. Selanjutnya, SC mengeluarkan garis panduan mengenai syarat kandungan minimum surat ikatan amanah dan prospektus selaras dengan pindaan SCA 1993 dan Akta Syarikat 1965. Berkuatkuasa pada Julai 2000, peraturan pendaftaran simpanan telah diperkenalkan bagi

membolehkan terbitan pelbagai bon bagi tempoh dua tahun dibuat menerusi satu permohonan sahaja.

Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dikenalpasti sebagai ukur rujuk kepada pulangan pasaran bon. Satu program ukur rujuk melibatkan terbitan berkala bon ukur rujuk secara besar-besaran dan berjadual, mengadakan jadual kalendar pra-lelongan, pembelian balik terbitan tidak terjual dan menarik balik kawalan ke atas urusniaga surat-surat repo korporat. Kerajaan telah mengumumkan Kalendar Lelongan Sekuriti Kerajaan dalam bulan Mac 2000 bertujuan mempertingkatkan ketelusan dan membantu pelabur menetapkan strategi pelaburan mereka.

Syarikat-syarikat pemastautin dan bukan pemastautin yang memohon untuk menerbitkan bon korporat boleh mendapat kebenaran Pengawal Pertukaran Asing dengan syarat keuntungan yang diperolehi tidak dilabur di luar negeri atau digunakan untuk membiayai semula pinjaman luar pesisir di samping memenuhi syarat-syarat lain yang berkaitan dengan terbitan PDS. Peraturan ini berkuatkuasa mulai Ogos 2000. Berikutan daripada usaha-usaha gigih untuk membangunkan pasaran bon korporat, minat aktiviti pembiayaan menerusi pasaran bon korporat kian meningkat memandangkan arah aliran semasa aktiviti pembiayaan bertambah kebelakangan ini.

## **Pembaharuan Sektor Korporat**

Ekonomi yang bertambah baik, khususnya permintaan luar negara yang kukuh, harga aset yang menggalakkan, kadar faedah yang rendah dan penstrukturan semula hutang telah menyumbang kepada prestasi pertumbuhan keuntungan korporat. Penstrukturan semula hutang menerusi jualan NPL kepada Danaharta, penyelesaian hutang di luar mahkamah melalui CDRC dan penyelesaian hutang menerusi mahkamah. CDRC yang ditubuhkan sebagai perantaraan bagi penghutang dan pemiutang menyelesaikan banyak masalah hutang berasaskan kepentingan bersama. Sehingga akhir Ogos 2000, CDRC berjaya menyelesaikan 38 kes melibatkan RM25,693 juta. Daripada ini, sebanyak 29 kes melibatkan RM23,879 juta atau 38.7% daripada jumlah hutang yang tertangguh dibayar telah disusun semula. Manakala sebanyak sembilan kes hutang bernilai RM1,814 juta telah dipindahkan

kepada Danaharta. Hutang-hutang lain bernilai RM16,343 juta masih dalam semakan serta 17 kes berjumlah RM3,903 juta telah ditolak. Operasi penstrukturan semula juga dilakukan dalam proses pemulihan aset di bawah Danaharta, aktiviti-aktiviti tidak penting dimansuhkan oleh CDRC dan penstrukturan semula hutang dibuat mengikut Seksyen 176 di bawah Akta Syarikat 1965.

Pelaksanaan perakuan-perakuan cadangan Jawatankuasa Kewangan Mengenai Urus Tadbir Korporat telah mencapai kemajuan yang ketara. Fasa pertama pembaharuan dan undang-undang, telah diselesaikan dan yang paling terkini, satu pakej pembaharuan undang-undang telah dikuatkuasakan pada Julai 2000 selepas sahaja pindaan SCA 1993 dan Akta Syarikat 1965. Undang-undang yang baru ini menggariskan dengan jelas tanggungjawab SC dan Pendaftar Syarikat. Fasa kedua pindaan yang dijangka siap menjelang akhir tahun 2000 akan menggariskan tugas-tugas utama pengarah dan memperuntukkan hak kawalan mengundi pemegang saham terbesar dalam urus niaga yang berkaitan. Di samping mengemas kini undang-undang dan peraturan supaya selaras dengan standard amalan antarabangsa, pindaan juga dibuat ke atas syarat penyenggaraan di BSKL, termasuk keperluan penyediaan laporan dan dasar penggantungan urus niaga yang dijangka dilaksanakan sebelum akhir tahun 2000. Versi akhir Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia telah diedarkan dan syarikat-syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2001 dan selepasnya akan dikehendaki membuat laporan mengenai pematuhan kod tersebut. Seterusnya, BSKL telah memperkenalkan satu peraturan baru mengenai akreditasi mandatori pengarah-pengarah dan mewajibkan mereka menghadiri program latihan sebagai pra-syarat untuk penyenggaraan.

## **Ekonomi Berasaskan Pengetahuan**

Selaras dengan perkembangan global, negara perlu beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan bagi merebut peluang-peluang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang baru. K-ekonomi menawarkan peluang penyediaan strategi untuk menjana dan mengeksploitasi pengetahuan ke arah nilai ekonomi yang baru melalui peningkatan faktor produktiviti total (TFP) yang sedia ada dan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Kelewatan

atau kegagalan dalam peralihan ini akan menyebabkan Malaysia, sebuah ekonomi kecil dan terbuka, ketinggalan di belakang apabila negara-negara lain yang lebih tangkas dan berorientasikan teknologi bergerak ke hadapan. Dalam keadaan sekarang, ekonomi Malaysia masih ketinggalan dalam infrastruktur komputer serta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, teknologi, kemahiran teknikal dan K-kemahiran.

Menyedari keperluan untuk menghadapi cabaran bagi peralihan tersebut, Kerajaan telahpun mengumumkan keperluan untuk anjakan paradigma dan mengambil inisiatif membangunkan Pelan Induk Kebangsaan K-ekonomi semasa pembentangan Belanjawan 2000. Berikutan itu, Jawatankuasa Pemandu K-ekonomi telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan dianggotai oleh wakil-wakil institusi dan agensi-agensi ekonomi utama di sektor swasta dan awam, untuk merangka Pelan Induk Kebangsaan K-ekonomi.

Pelan Induk Kebangsaan K-ekonomi yang dirangka akan menggariskan strategi utama dan menyeluruh untuk sebuah ekonomi beralih lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Di samping strategi bagi penggunaan pengetahuan yang lebih meluas dalam proses pengeluaran di semua sektor, ia akan menggariskan strategi bagi pembangunan pesat industri yang berdaya maju serta menguasai dan memiliki pengetahuan dan industri berintensif pengetahuan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menguntungkan. Dalam menggubal Pelan Induk Kebangsaan K-ekonomi, sumbangan segenap lapisan masyarakat diperlukan bagi memperlengkapkan lagi Pelan tersebut serta mengenalpasti keperluan setiap lapisan masyarakat. Bagi memperoleh pandangan semua lapisan masyarakat, Kongres Kebangsaan Belia K-ekonomi peringkat negeri diadakan bagi mengumpul input yang berkaitan. Sehingga ini, seminar tersebut telahpun diadakan di Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Perlis, Kedah, Sabah dan Kelantan. Satu Simposium Antarabangsa K-ekonomi telah juga diadakan pada bulan Mei 2000 untuk berkongsi pengalaman dengan negara-negara seperti Finland, Ireland, Korea, New Zealand dan Singapura, dalam mengejar status K-ekonomi. Seiringan itu, Pelan Strategi Kebangsaan yang merupakan satu siri Pelan Tindakan dalam Bidang Strategik Utama serta Kajian Sektor dalam sektor utama akan juga dilaksanakan.

## **Pembiayaan Aktiviti Baru dan Perusahaan Kecil dan Sederhana**

Pembiayaan aktiviti berteknologi tinggi yang baru dan berasaskan pengetahuan serta pembangunan PKS berasaskan idea memerlukan pembiayaan yang berbeza dan lebih kreatif. Ini disebabkan pinjaman biasa bank yang berasaskan cagaran amat sukar diperolehi memandangkan cadangan berasaskan idea tidak mempunyai nilai *tangible*. Bagi memudahkan pembiayaan, dalam menuju peralihan kepada K-ekonomi, Kerajaan telah membantu syarikat modal teroka (VCC) supaya ia memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Dalam Belanjawan 2000, dana berjumlah RM500 juta telah disediakan yang mana sebanyak RM200 juta disalurkan kepada Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad. Sementara itu, BNM dan dua bank perdagangan iaitu Maybank Berhad dan Bumiputra-Commerce Bank Bhd. telah menyediakan dana sebanyak RM300 juta bagi membiayai VCC. Ini merupakan tambahan kepada modal yang disediakan oleh 30 VCC yang sedia ada. Di antara peneraju utama modal teroka dalam pasaran ialah Perbadanan Usahawan Nasional, Mayban Ventures Sdn. Bhd., Pica (M) Corporation Bhd. dan PFM Capital Holdings Sdn. Bhd.

Sebagai tambahan kepada kemudahan dana yang disediakan, pelbagai insentif telah diperuntukkan kepada VCC melalui Belanjawan 2000 bagi memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat ICT dan bagi mengkomersilkan hasil penyelidikan pertanian oleh institusi penyelidikan tempatan seperti Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). VCC telah diberi pengecualian cukai sepenuhnya terhadap sumber-sumber pendapatan sepanjang hayatnya atau bagi tempoh 10 tahun, yang mana lebih awal. Namun begitu, VCC disyaratkan supaya melabur 70% daripada dananya dalam aktiviti-aktiviti modal percambahan, modal permulaan dan pembiayaan peringkat pertama.

PKS yang moden dan berdaya saing boleh memainkan peranan yang lebih meluas serta penting dalam memenuhi permintaan dalam negeri dan untuk pasaran eksport. Dalam Belanjawan 2000, Kerajaan memperuntukkan RM200 juta pada tahun 1999 dan RM100 juta pada tahun 2000 di bawah Syarikat Jaminan Kredit (CGC) bagi peniaga-peniaga kecil memperoleh kemudahan pinjaman. Dana bernilai RM200 juta untuk Industri



Kecil dan Sederhana 2 yang diuruskan oleh CGC telah diwujudkan pada 15 April 2000 bagi menggalakkan PKS mengadakan hubungan dengan industri berasaskan eksport. Di samping itu sebanyak RM76.7 juta telah diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan kredit kepada pengusaha-pengusaha PKS, pembinaan kemudahan infrastruktur, pembangunan teknologi dan bantuan bagi mempromosi keluaran negara ke luar negara. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menyediakan sejumlah RM300 juta dalam Belanjawan 2000 untuk Tabung Pemulihan Usahawan II.

Bagi membantu pengusaha PKS Bumiputera, Tabung Projek Usahawan Bumiputera telah ditubuhkan pada bulan Februari 2000. Dana sejumlah RM300 juta telah diperuntukkan oleh BNM bagi pengusaha PKS Bumiputera dan syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera yang ditawarkan kontrak atau projek Kerajaan serta agensi-agensinya dan digunakan hanya sebagai modal kerja.

## **Membina Kapasiti Bagi Menghadapi Cabaran Liberalisasi dan Globalisasi**

Proses liberalisasi dan globalisasi merupakan cabaran yang tidak dapat dielakkan dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Sebagai persediaan menghadapinya, Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Membina Kapasiti Negara telah ditubuhkan untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun dan bertindak sebagai sebuah badan bagi merangka dasar untuk Kerajaan berpandukan isu-isu semasa, jangka pertengahan dan panjang. Bagi membantu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan ini, sebuah Kumpulan Perundingan Kebangsaan telah ditubuhkan dengan dianggotai wakil-wakil daripada pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk menyediakan input dasar bagi pertimbangan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan tersebut.

Kajian ke atas pelbagai isu di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) termasuk isu pertanian dan perkhidmatan serta perjanjian WTO mengenai Langkah-Langkah Berkaitan Perdagangan dan aspek Hak Harta Benda Intelekt Berkaitan Perdagangan sedang dijalankan. Beberapa seminar dan bengkel kerja turut diadakan bagi membincangkan isu liberalisasi dan globalisasi serta mengenalpasti strategi-strategi untuk menangani cabaran dan merebut peluang proses globalisasi.

## **Kesimpulan**

Dasar Kerajaan yang dilaksanakan dua tahun lalu dan yang diumumkan dalam Belanjawan 2000 telah menyumbang kepada pemulihan ke arah ekonomi yang mapan. Sungguhpun pemulihan awal didorong oleh sektor eksport, proses pemulihan kini adalah lebih menyeluruh melalui pertumbuhan yang didorong oleh permintaan dalam negeri dari pelbagai sektor berikutan dasar menggalakkan rantai industri yang kukuh. Permintaan dalam negeri yang meningkat berikutan dasar kewangan dan fiskal yang berkembang turut menyokong prestasi sektor luar. Prospek ekonomi yang lebih baik, pertambahan pendapatan dan keadaan gunatenaga yang bertambah baik menyokong peningkatan permintaan ketara sektor swasta, khususnya peningkatan perbelanjaan penggunaan. Keyakinan pelabur yang bertambah kukuh telah menyumbang kepada keutuhan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Sementara itu, kemajuan pemulihan serta penggabungan sektor kewangan, penstrukturan semula sektor korporat dan usaha gigih yang berterusan bagi memperluas pasaran modal terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Berasaskan perkembangan-perkembangan ini, KDNK benar Malaysia dijangka terus kukuh dengan wujudnya sumber pertumbuhan yang baru, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan aktiviti berasaskan pengetahuan serta ICT yang mula meningkat dalam keadaan inflasi yang rendah. Berikutan pertumbuhan eksport yang meningkat, lebih perdagangan dijangka terus memuaskan dengan permintaan luar negara dijangka kukuh bagi bulan-bulan akan datang. Pertumbuhan import juga dijangka turut meningkat. Perkembangan ini dijangka menjejaskan sedikit kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran dari segi peratusan daripada KNK tahun 2000. Walau bagaimanapun, akaun semasa imbalan pembayaran diramalkan terus mencatat lebihan yang memuaskan bagi tahun ini. Arah aliran kebelakangan ini berasaskan pelaburan asing langsung yang mula meningkat dan ini akan mengukuhkan lagi prospek pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, pertumbuhan masa hadapan dapat diterajui seterusnya oleh sektor swasta dan Kerajaan dapat mengurangkan penekanan kepada dasar fiskal yang berkembang bagi mengukuhkan lagi kestabilan asas ekonomi makro.